

Ringgit catat prestasi terbaik rantau Asia

B/A 19/03/2018
M/S 01

➔ Peningkatan lebih 13 peratus berbanding dolar AS cerminan asas ekonomi kukuh

Oleh Amir Hisyam Rasid
amir.hisyam@nstp.com.my

Ringgit muncul mata wang yang mencatatkan prestasi terbaik di Asia, apabila meningkat pada kadar lebih 13 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) dalam tempoh 12 bulan lalu.

Ringgit juga salah satu daripada dua mata wang (selain baht Thailand) yang merekodkan pulangan dua angka peratusan dalam tempoh setahun lalu.

Pada Jumaat lalu, ringgit terus melonjak untuk ditutup lebih tinggi berbanding dolar AS pada RM3.9070, berbanding

penutup hari sebelumnya RM3.9160.

Dalam masa sama, ringgit juga secara umumnya dinia-gakan lebih tinggi berbanding sekumpulan mata wang utama dunia lain pada Jumaat.

Seorang ahli ekonomi berkata, beliau percaya prestasi ringgit boleh dikaitkan dengan dinamik dalaman mata wang itu berbanding faktor luar-rannya.

Pengukuhan ringgit

“Kedua-duanya memainkan peranan satu sama lain, namun pengukuhan ringgit secara dasarnya adalah cerminan fundamental atau asas kukuh ekonomi Malaysia,” kata Pengarah Institut Penyelidikan Perbankan dan Kewangan Asia, Dr Irwan Shah Zainal Abidin.

Beliau berkata, kecemerlangan ringgit adalah salah satu manifestasi program transformasi ekonomi kerajaan yang berfungsi sehingga membolehkan Malaysia ‘keluar’ daripada perangkap pendapatan pertengahan.

“Selain itu, faktor lain adalah kadar pertumbuhan yang kukuh dan mantap, kestabilan kadar faedah, kadar

pengangguran yang rendah, paras hutang dan defisit yang terurus, selain rizab antarabangsa yang begitu teguh.

“Paling utama, ekonomi (Malaysia) diunjurkan menjadi negara berpendapatan tinggi tidak lama lagi berdasarkan kepada pengukuran Bank Dunia,” katanya.

Irwan Shah berkata, pendekatan dasar monetari Bank Negara Malaysia (BNM) juga menyumbang kepada kemantapan prestasi ringgit, seperti pengenalan peraturan pentadbiran tukaran asing pada 2016 dan kenaikan kadar dasar semalaman (OPR) baru-baru ini.

Pada peringkat luaran, beliau berkata ekonomi global dan harga minyak mentah dijangka terus meningkat dan perkembangan itu memberi manfaat kepada ekonomi Malaysia, khususnya berkaitan eksport.

“Ketidaktentuan hala tuju dasar monetari AS akan terus mengukuhkan ringgit kerana pasaran masih lagi cuba untuk memahami apa yang boleh dijangkakan daripada Pengerusi Rizab Persekutuan (Fed) AS yang baru dilantik, Jerome Powell,” katanya.



Faktor lain adalah kadar pertumbuhan yang kukuh dan mantap, kestabilan kadar faedah, kadar pengangguran yang rendah, paras hutang dan defisit yang terurus, selain rizab antarabangsa yang begitu teguh”

Irwan Shah Zainal Abidin,
Pengarah Institut
Penyelidikan Perbankan
dan Kewangan Asia

